



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Isnin, 13 Jun 2022

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Laporan Tindakan Susulan:
Syor-syor Laporan PAC berhubung
Amanah Raya Berhad**

- 1. Kementerian Kewangan Malaysia**
Puan Anis Rizana binti Mohd Zainuddin,
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Pelaburan)
- 2. Amanah Raya Berhad**
Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff,
Ketua Pegawai Kewangan

PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
ISNIN, 13 JUN 2022**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah
binti Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
YB. Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]
YBhg. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha (Seksyen Jawatankuasa Pilihan) (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Seksyen Jawatankuasa Pilihan) (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Peguam Negara

Tuan Mohamad Onn bin Abd Aziz [Peguam Kanan Persekutuan]

Kementerian Kewangan (MOF)

Puan Anis Rizana binti Mohd Zainuddin [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)]
Encik Zainudin bin Suleiman [Timbalan Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

samb/

Puan Nadeema binti Kamarudddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Jabatan Audit Negara (JAN)

Encik Md Adnan bin Abdullah [Ketua Penolong Pengarah]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Badrul Hisam bin Ismail [Ketua Penolong Pengarah Kanan]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Encik Zaman bin Abd Rahman [Penolong Kanan Pesuruhjaya (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan)]

Puan Ng Seh Fern [Penolong Pesuruhjaya (Bahagian Siasatan)]

SAKSI

Amanah Raya Berhad (ARB)

YBhg. Datuk Radzif bin Moh Yunus Mohd [Ahli Lembaga Pengarah / Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Exco Amanah Raya Berhad]

Puan Norazilla binti Tahir [Ahli Lembaga Pengarah / Exco Amanah Raya Berhad]

Encik Ahmad Suhaimi bin Endut [Ahli Lembaga Pengarah]

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff [Ketua Pegawai Kewangan]

Encik Jerry Jesudian Joseph Alexander [Setiausaha Syarikat]

Puan Siti Khatdijah binti Samean [Pengurus Perancangan Korporat]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KELIMA

Isnin, 16 Jun 2022

Bilik Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 02.30 petang

[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Pengerusi: Salam sejahtera, selamat petang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC sekalian dan juga ahli-ahli ex-officio yang hadir. Pada petang ini, kita akan mendapat penjelasan daripada MOF dan juga Amanah Raya Berhad berkaitan dengan Laporan PAC berhubung dengan Amanah Raya Berhad.

Laporan PAC berhubung isu ini dibentangkan pada 12 Oktober 2021 selepas Jawatankuasa ini mengadakan prosiding pada 3 Ogos dan 22 September 2021. Isu Amanah Raya Berhad ini dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2019 Siri 1 Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan. PAC mengguna punca kuasa di bawah AP 304(b) dan Peraturan Mesyuarat 83(2) untuk memanggil saksi-saksi hadir di hadapan Jawatankuasa ini.

Hadir di hadapan PAC adalah Yang Berusaha Puan Anis Rizana binti Mohd Zainuddin, TKSP (Pelaburan) yang mewakili KSP yang telah memaklumkan kepada PAC bahawa beliau berada di luar negara untuk tugas rasmi dan dibenarkan oleh PAC. Yang Berbahagia Datuk Radzif bin Mohd Yunus Mohd, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Exco Amanah Raya Berhad; Yang Berusaha Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff, Ketua Pegawai Kewangan Amanah Raya Berhad.

Saya sudah dimaklumkan oleh Amanah Raya Berhad bahawa Yang Berusaha Encik Aziman bin Adnan, Ketua Pegawai Kumpulan sudah tidak lagi berkhidmat dengan Amanah Raya Berhad dan Puan Aini Fariza akan membentangkan maklum balas bagi pihak Amanah Raya. So, dengan itu, saya menjemput Yang Berusaha Puan Anis Rizana untuk memulakan pembentangan pada petang ini terhadap tindakan susulan terhadap empat syor PAC. Terima kasih. Dipersilakan Puan.

Puan Anis Rizana binti Mohd Zainuddin [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)]: Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang

Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) serta pegawai-pegawai ex-officio PAC Parlimen.

Bersama-sama dengan saya pada hari ini adalah wakil daripada Amanah Raya Berhad untuk memberi pembentangan ke atas maklum balas tindakan susulan berhubung Amanah Raya Berhad adalah Yang Berbahagia Datuk Radzif bin Mohd Yunus Mohd, Pengarah dan merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan juga Exco Amanah Raya Berhad; Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff, Ketua Pegawai Kewangan Amanah Raya Berhad; serta pegawai-pegawai berkaitan dari Kementerian Kewangan Malaysia dan juga Amanah Raya Berhad.

Seperti yang semua sedia maklum, penemuan berhubung Amanah Raya Berhad (ARB) merupakan sebahagian daripada isu yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2019 Siri 1 Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan. Susulan daripada itu, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah membawa isu ini ke prosiding PAC Parlimen sebanyak dua kali iaitu dalam prosiding bilangan 3(a) dan 3(b) tahun 2021 pada 3 Ogos 2021.

Setelah selesai sesi prosiding, PAC Parlimen telah mengemukakan sebanyak empat syor dan berkehendakkan tindakan susulan diambil oleh pegawai pengawal selaras dengan Arahan Perbendaharaan 304(b) iaitu setelah PAC mengeluarkan laporannya, ia berkehendakkan tindakan susulan diambil ke atas tiap-tiap syor yang dikemukakan. Tindakan susulan terhadap syor-syor PAC oleh pegawai pengawal kemudiannya perlu dilaporkan kepada Kementerian Kewangan (MOF). MOF seterusnya akan mengemukakan kepada PAC satu laporan muktamad tindakan susulan pegawai pengawal ke atas syor-syor PAC.

Sehubungan dengan itu, pada hari ini, MOF bersama ARB akan menyampaikan taklimat ringkas kepada Ahli-ahli PAC Parlimen berhubung tindakan susulan yang telah dan sedang diambil berhubung isu ini.

Seterusnya, izinkan saya menjemput Yang Berusaha Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff, Ketua Pegawai Kewangan Amanah Raya Berhad bagi membentangkan tindakan susulan bagi keempat-empat syor berhubung ARB. Dipersilakan Puan. Terima kasih.

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff [Ketua Pegawai Kewangan Amanah Raya Berhad]: Terima kasih Puan Anis. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk, Tuan dan Puan. Saya adalah Aini Fariza binti Mohd Yusof, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Amanah Raya Berhad. Bersama-sama saya adalah dua pengarah ARB yang juga

merupakan Jawatankuasa Lembaga Pengarah Amanah Raya Berhad iaitu Yang Berbahagia Datuk Radzif bin Moh Yunus dan Yang Berusaha Puan Norazilla binti Tahir. Bersama-sama juga ialah pengarah kami Encik Suhaimi bin Endut dan beberapa pegawai daripada Amanah Raya Berhad.

Hari ini saya hadir untuk membentangkan laporan tindakan susulan atas syor-syor PAC berhubung Amanah Raya Berhad. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, izinkan saya melaporkan perkara ini.

Yang Berhormat Datuk, Tuan, Puan sekalian, pertamanya izinkan saya memberikan pengenalan syarikat ARB secara ringkas. ARB ditubuhkan pada tahun 1921 sebagai jabatan kerajaan dan setelah 74 tahun ditubuhkan, syarikat ini kemudiannya telah dikorporatkan pada tahun 1995 dan menjadi syarikat milik penuh kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD).

Pada mulanya, Akta Pemegang Amanah Raya 1950 diwujudkan untuk mengawal aktiviti Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka atau lebih dikenali dengan JPAR. JPAR kemudiannya dimansuhkan dan diganti dengan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 selaras dengan pengkorporatan Amanah Raya Berhad. Senarai ahli lembaga pengarah syarikat yang terkini adalah seramai lapan orang seperti tertera di slaid. Tarikh-tarikh lantikan setiap pengarah juga disenaraikan di sini.

Yang Berhormat Datuk, Tuan, Puan yang dihormati, terdapat tiga aktiviti utama ARB iaitu pentadbiran pusaka, pengamanahan dan juga pelaburan wang amanah. MKD merupakan pemegang saham ARB. Manakala kekuatan ARB adalah melalui:

- (i) kuasa yang diberikan di bawah Akta Perbadanan Amanah Raya 1995;
- (ii) pengoperasian syarikat dikendalikan oleh 659 warga kerja; dan
- (iii) syarikat memiliki 20 cawangan di seluruh negara.

Slaid seterusnya merupakan ringkasan perjalanan mesyuarat bersama PAC yang bermula pada 24 Ogos 2020 dan pada hari ini, 13 Jun 2022, merupakan hari untuk kami membentangkan laporan tindakan susulan ke atas syor-syor PAC.

Secara ringkasnya, empat syor PAC ada di slaid di sini. Setelah prosiding bilangan 3(a) dan 3(b) dijalankan pada 3 Ogos 2020 yang lalu, laporan PAC telah mengemukakan empat syor. Amanah Raya menyambut baik setiap syor PAC tersebut dan kami telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk melaksanakan syor-syor tersebut. Perincian maklum balas bagi tindakan susulan ke atas empat syor di layar akan dibentangkan pada slaid seterusnya.

Yang Berhormat Datuk, Tuan, Puan, bagi menjawab isu yang telah dibangkitkan dalam syor pertama iaitu 7.1, terdapat tiga polisi yang tersenarai dalam *MKD handbook* iaitu Polisi Dividen, Polisi Bonus dan Polisi Had Kuasa. Ketiga-tiga polisi tersebut telah diluluskan oleh pihak Lembaga Pengarah ARB dan syarikat telah mengadaptasikan polisi-polisi berikut.

Sungguhpun begitu, pihak Jabatan Audit Negara dalam laporan mereka telah mengetengahkan bahawa terdapat beberapa polisi dalam syarikat yang tidak diputuskan oleh lembaga pengarah. Butiran polisi-polisi tersebut adalah seperti disenaraikan di Jadual 1 dan Jadual 2.

Slaid seterusnya adalah menyenaraikan Jadual 1. Berdasarkan syor PAC, empat polisi seperti Jadual 1 iaitu Polisi Zakat Perniagaan, Polisi Fi Perkhidmatan, Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat dan juga Polisi Bilik Fail Ruang Pejabat dan Stor. Keempat-empat polisi telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Amanah Raya Berhad dan berkuat kuasa pada awal tahun 2022 seperti yang tertera.

■1440

Manakala bagi dua polisi iaitu polisi perancangan modal insan dan polisi perolehan, kedua-dua polisi telah diteliti dan diluluskan di peringkat jawatankuasa masing-masing. Syor ini dijangka selesai setelah diluluskan oleh lembaga pengarah pada 22 Jun 2022.

Tuan Pengerusi: So, maksudnya empat yang telah selesai, dua dalam tindakan dan akan diselesaikan pada 22 Jun?

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Saya.

Tuan Pengerusi: Okey. Puan Aini, boleh saya dapat pengesahan selain daripada enam polisi yang tertera di sini, sama ada terdapat mana-mana polisi yang ada dalam *MKD handbook* yang belum lagi selesai di-*adopt* oleh pihak lembaga pengarah?

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Kami telah merujuk kepada *handbook* MKD di mana *handbook* tersebut cuma menyenaraikan tiga polisi sahaja iaitu polisi dividen, polisi bonus dan polisi had kuasa. Ketiga-tiga ini sudah diluluskan. Walau bagaimanapun, terdapat polisi-polisi lain yang kami luluskan di peringkat pengurusan tetapi oleh sebab Jabatan Audit Negara perlukan polisi-polisi ini diluluskan oleh pihak lembaga pengarah, kami telah mengangkat kepada lembaga pengarah kami untuk kelulusan.

Tuan Pengerusi: Okey. Ada soalan lagi? 7.1? Ya, sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya, ada atau tidak perancangan untuk merangka polisi pelaburan Amanah Raya?

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Ya, polisi pelaburan saya akan terangkan dalam slaid yang seterusnya. Terima kasih, Yang Berhormat. *I continue* ya? Yang Berhormat Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang bijaksana sekalian, seterusnya saya bentangkan syor kedua iaitu berkenaan polisi pelaburan dan barisan pakar pelaburan. Polisi pelaburan kini dalam proses untuk diangkat ke pertimbangan mesyuarat lembaga pengarah setelah diluluskan di peringkat jawatankuasa pelaburan pada 7 Jun 2022. Syor ini dijangka selesai setelah diluluskan oleh lembaga pengarah pada 22 Jun 2022.

Berhubung barisan pakar pelaburan, ARB telah melantik AmanahRaya Investment Management Sdn. Bhd., sebuah syarikat pengurus dana berlesen di bawah pemantauan Suruhanjaya Sekuriti yang bertanggungjawab menasihati lembaga pengarah dalam aktiviti-aktiviti pelaburan Amanah Raya.

Tuan Pengerusi: Okey, berbalik kepada 7.2, Puan Aini. *[Membaca nota slaid]* "...perlu mempunyai satu polisi pelaburan yang lengkap."

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Saya pergi kepada syor PAC yang seterusnya.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sekejap...

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Okey – *I cannot hear.*

Tuan Pengerusi: Okey, Puan Aini. Berkenaan dengan polisi pelaburan ini, boleh huraikan kepada pihak PAC, apakah kandungan polisi tersebut dan apakah pembaikan kerana dalam laporan PAC apabila saya baca semula, memang kita mendapati bahawa keputusan-keputusan untuk pelaburan tersebut kebanyakan masanya tidak ada satu standard. So, tidak pasti siapa yang boleh membuat keputusan dan sebagainya. So, apakah polisi yang diguna pakai sekarang, yang mana akan diangkat untuk kelulusan mesyuarat lembaga pengarah? Itu yang pertama.

Kedua, apabila kita kata barisan pakar pelaburan, so jawapan di sini adalah barisan pakar pelaburan yang menguruskan pelaburan ARB adalah AmanahRaya Investment Management Sdn. Bhd. Akan tetapi, untuk AmanahRaya Investment Management Sdn. Bhd. ini saya ingat sebelum ini semasa prosiding pun, entiti yang sama *kan?* Akan tetapi, dengan entiti yang sama, kita nampaknya ada masalah berkenaan dengan pelaburan. *So, is ARB going to get any other experts, any other*

body ataupun entiti yang mempunyai *expertise* dalam membantu ARB dalam isu-isu pelaburan? So, mungkin dua soalan daripada saya, sila.

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bagi soalan pertama iaitu polisi pelaburan kami, ia merangkakan jenis-jenis pelaburan – terdapat beberapa butir yang dimasukkan dalam polisi pelaburan kami, di mana ia menjelaskan dengan terperinci jenis-jenis pelaburan yang boleh diambil oleh pihak ARB dan pegawai-pegawai yang berkaitan. Kuasa melabur perlulah mengikut akta. Fungsi jawatankuasa *investment committee* dan juga *asset liability committee* dan beberapa pelaburan, beberapa – *how do you say that...*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* You can say it in English, boleh.

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: *In English – a few parameters. Investment parameters were not set previously. So now we have set a few investment parameters like for example, single-counterparty limit and things like that. So, that is inside the investment policy.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Barisan pakar?

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Barisan pakar, yes. Memang kami menggunakan ARIM sebagai barisan pakar kami. Di samping itu, kami juga akan mengambil konsultan EY untuk memperlihatkan – *to review and looking at a more structured manner, more of holistic review on our investments and how we need to move forward. So, the appointment of EY will be – has already been appointed in June this year. So, mereka mempunyai beberapa barisan pakar yang boleh memberi nasihat kepada kami.*

Datuk Mohd Radzif bin Mohd Yunus [Pengarah Amanah Raya Berhad]: Dengan izin Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Datuk Mohd Radzif bin Mohd Yunus: Terima kasih. Dengan izin juga, kalau boleh saya nak guna bahasa Inggeris *to explain the situation.*

Tuan Pengerusi: Okey. *I think better to put your name first.*

Datuk Mohd Radzif bin Mohd Yunus: Okey. *I am Datuk Mohd Radzif Mohd Yunus, a member of the board and also chair of the Investment Committee and also chair of the Board Exco Committee. The purpose of us actually taking a relook back at this policy; pelaburan-pelaburan, investment policy is specially to strengthen the governance. I think that is the key issue, to strengthen the governance on the policy and the key parameters in terms of what constitute as investment on the part of*

Amanah Raya and of course the types of investment and the limits of investment, had-had pelaburan.

Of course, to also look at the management of the assets as well as the liabilities of Amanah Raya. To ensure that, I think, we do not fall into the same predicament that we have gone through over the last – previous years. So that's one. On the part of doing this also, we wanted to ensure that there was harmonisation between what the investment committee requires and how management is supposed to look at investment. So, there will be a consistent approach with regards to investment throughout the whole organisation and that is the reason why I think it took longer for us to actually dwell into this. I think there was a few iterations that we went through to look at this investment policy. So just to give a – that I think the board has taken the cue from PAC to ensure that, I think, we get these things done correctly. Thank you – terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Ada soalan? Ya, sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih, Tuan Pengerusi. *Are we allowed to look at the parameters that has been decided by the board? Apakah parameters-nya? Apakah limit-nya? What type of investment, where dan sebagainya. Is there something that we can share here?*

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: *The actual draft of our investment policy, we will submit to the PAC subsequently.*

Tuan Pengerusi: *Okay, thank you. Okay, can I just check? Actually, this when I check – recheck the Hansard dalam laporan kita, sememangnya AmanahRaya Investment Management Sdn. Bhd. ini memang wujud sekian lama sudah.*

■1450

So, bolehkah huraikan kepada pihak PAC, apa tanggungjawab ataupun peranan sebenarnya Amanah Raya Investment Management ini. Sila, Puan Aini.

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tanggungjawab Pengurus Dana Amanah Raya Investment Management (ARIM) adalah untuk mengurus dana yang diberi mandat kepada mereka untuk menguruskan, di mana mereka perlu mencapai sasaran pulangan seperti yang di set kan oleh Amanah Raya Berhad...

Tuan Pengerusi: Okey, bilakah praktis- *I mean* pengurusan oleh Amanah Raya Investment ini bermula?

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Kami melantik ARIM dari tahun 2005.

Tuan Pengerusi: 2005.

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Ya.

Tuan Pengerusi: So, soalan saya- katakanlah saya hendak memahami isu dengan lebih lanjut. Katakan tahun 2005 sudah ada Amanah Raya Investment Management Sdn. Bhd. Prosiding kita diadakan pada tahun 2021. So, dalam masa pengurusan oleh ARIM ini memang kita nampak ada isu-isu berkenaan dengan pelaburan.

So, how do we still able to ensure- bagaimana kita boleh memastikan boleh bahawa ARIM ini boleh melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik, ataupun selepas Laporan Ketua Audit Negara, dan laporan PAC dibentangkan, ARIM ini telah pun diperkasakankah ataupun ada pembaikan dalaman daripada segi pengurusan Amanah Raya Investment Management, ataupun ada perbezaan dari segi *approach* nya atau tidak? *So, I think* itu merupakan soalan yang saya hendak dapatkan penjelasan.

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ya, walaupun ARIM telah dilantik sekian lama tetapi kami telah- *we have put in some control measures, lately. For example,* semua setiap pelaburan perlu dibentangkan kepada Jawatankuasa Pelaburan, dan kami juga telah *we created Asset Liability Committee as well. So, there are a few layers that we want to put in to ensure that we monitor ARIM's fund management activities.*

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi Puan Aini maksudnya daripada penjelasan tadi nampaknya bahawa ARIM ini, memang pelaburan di bawah ARIM ini sepanjang 15 tahun ini ada masalah. So, sekarang dengan jawatankuasa yang baharu ini, yang dua ini kita dapat memperkasakan pelaburan Amanah Raya, betul?

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Betul.

Puan Wong Shu Qi: So, jadi di sini- slaid ini barisan pakar pelaburan ini, ini bukan penyelesaian.

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Di samping itu, slaid yang berikutnya juga kami ada *next slide...* [*Pembentangan dibuat dengan merujuk slaid*]

Kami ada melantik Tetuan EY baru-baru ini untuk melaksanakan *position audit review exercise*. Jadi dalam skop pelantikan ini, kami juga memasukkan- EY perlu tengok semua pelaburan yang sedang kami yang pada ketika ini, dan juga

macam mana untuk memperbaiki kedudukan kewangan Kumpulan Wang Bersama kami.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Naib Pengerusi.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd

Dun: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Datuk Mohd Radzif bin Mohd Yunus [Pengarah Amanah Raya Berhad]:

Can I just, Tuan Pengerusi boleh saya tambah mengenai ARIM ini. Came back to the question that was asked...

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd

Dun: Biar saya tanya dahulu.,

Tuan Pengerusi: Mungkin biar kita tanya dahulu, *then* kita tambah nanti ya.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd

Dun: Saya hendak tanya ARIM ini kerana sudah wujud lama sebelum ini, dan banyak pelaburan yang *questionable* itu sebabnya ia sampai ke PAC bukannya. Jadi saya ingin tahu tadi, kalau diperkasakan ini adakah komposisi ARIM itu sudah ada perubahan daripada segi pakar-pakar yang dibawa masuk ke dalam ARIM ini, yang mana yang boleh memberikan input yang terbaik untuk pelaburan Amanah Raya Berhad ini.

Datuk Mohd Radzif bin Mohd Yunus: Boleh saya jawab- *the question in a very broad manner first Tuan Pengerusi? I think in so far as ARIM is concern in the board of ARB, we are going to strengthen the governance structure. Back to the question or whether what is actually being undertaken regarding to strengthen the capabilities.*

Number one I think, ARIM has got to do annual report to SC, so they have to actually comply in regards to SC requirement in terms of A & Fund Management company as soon has been...

Tuan Pengerusi: *So, previously nothing has been done lah.*

Datuk Mohd Radzif bin Mohd Yunus: *It has been done. All this while, it has been done. Constantly being done.*

Tuan Pengerusi: *I think the- annual report to SC. Tahun-tahun sebelum ini tidak ada ya.*

Datuk Mohd Radzif bin Mohd Yunus: Ada, ada.

Tuan Pengerusi: *Then it is not called pembaharuan and pembaikan kan.*

Datuk Mohd Radzif bin Mohd Yunus: *The pembaharuan then I think is physically at the level of the board. We have requested for a constant reporting being made to the Investment Committee in terms of the investment that they actually put*

in and on top of that I think that is constant review regards to the board membership of ARIM to ensure that I think we get the people who are conversant in regard to investment.

I think the board has been strengthened further and I think- its constantly strengthen further. Then, on top of that, dari segi pulangan, I think at the level of investment committee pun we are reviewing back in terms of how the returns can be further enhanced for the purposes of ARB. So, there are many ways I think we can look at it one, is basically the limits back again and the kind of investment that they put in. So, there will be constant review of the same investment.

Tuan Pengerusi: Datuk, daripada segi komposisi syarikat ARIM so, siapa yang duduk selaku Pengarah, dan sama ada terdapat satu *overlapping* calon pengarah antara ARB dengan ARIM?

Datuk Mohd Radzif bin Mohd Yunus: Buat masa ini ada, Dato' Ramli sebagai Pengerusi ARIM merupakan Ahli Lembaga Pengarah, dan juga termasuk wakil daripada MOF, Haji Suhaimi juga Ahli Lembaga Pengarah ARIM, dan juga Ahli Lembaga Pengarah ARB.

Tuan Pengerusi: Okey, ada soalan. Ya, sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Tuan Pengerusi, komposisi jawatankuasa ini memang strukturnya sebegitu daripada dahulu atau ini ada satu pembaikan jugakah, atau memang sebegitu struktur...

Datuk Mohd Radzif bin Mohd Yunus: Struktur daripada segi Ahli Lembaga Pengarah kah Yang Berhormat? Penambahbaikan sedang berlaku dalam masa tiga tahun selepas ini dan akan terus dilaksanakan.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]: Penambahbaikan itu apa, *sorry* penambahbaikan itu apa ya, adakah orang-orang menjadi Ahli Lembaga Pengarah itu terdiri daripada mereka yang memang *well versed* dalam *investment, portfolio that kind of thing?*

Datuk Mohd Radzif bin Mohd Yunus: *Yes, I think there the inclusion of new people with investment background.*

Tuan Pengerusi: *Who are those? If we look at the* Ahli Lembaga Pengarah.

Encik Jerry Jesudian Joseph Alexander [Setiausaha Syarikat Amanah Raya Berhad]: Izinkan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya, sila bagi nama ya.

Encik Jerry Jesudian Joseph Alexander: Nama saya Jerry Jesudian, Setiausaha syarikat untuk AmanahRaya Berhad.

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Jerry Jesudian Joseph Alexander: Saya mewakili ARB ialah Dato' Haji Ramli dengan Encik Ahmad Suhaimi dari MOF. Lantikan baharu yang dibuat pada tahun 2019 baru-baru ini ialah Encik Hassan, dengan Datuk Ismail dan Mohd Razlan. Puan Haliza Aini baharu dilantik pada tahun 2021.

Tuan Pengerusi: Apakah *background* nama-nama yang dinyatakan tadi?

Encik Jerry Jesudian Joseph Alexander: Encik Hassan dengan Puan Haliza Aini ada legal *background*; Datuk Ismail ialah dari *banking industry*; dan Encik Mohd Razlan ialah dari *investment background, rating agency, RAM*.

■1500

Encik Jerry Jesudian Joseph Alexander: Datuk Haji Ramli, *background* dia ialah dahulu dari MOF juga; Jabatan Akauntan Negara.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: *Not really well versed in investment, kan? Even if you came from MOF, government servant.*

Encik Ahmad Suhaimi bin Endut [Ahli Lembaga Pengarah Amanah Raya Berhad]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, Sila.

Encik Ahmad Suhaimi bin Endut: Saya Suhaimi daripada MOF. Jadi, kalau kita tengok senarai yang ada di sini, semuanya – senarai yang dilantik ini adalah ahli lembaga pengarah yang baharu termasuk saya, yang baru dilantik dalam Amanah Raya Investment ini. Kita mungkin boleh tengok balik dari segi komposisi ini untuk melihat sama ada kita perlu untuk melantik lebih ramai daripada – pegawai yang ada *background banking* dan *investment*. Ini kita boleh tengok balik, Yang Berhormat.

Kalau kita lihat dari segi *performance AmanahRaya Investment for the past two, three years* ini sebenarnya terdapat banyak peningkatan dari segi *award* yang dimenangi berkaitan dengan *investment* itu. Cuma, saya tidak ada senarai *award* yang dimenangi tetapi semenjak saya masuk saya nampak ada senarai *award* yang dimenangi dari segi *investment*.

[Membaca senaskhah dokumen] Okey, antara *award* yang pernah dimenanginya contohnya:

- (i) *Refinitiv Lipper Fund Awards 2020* (The Edge);
- (ii) *Recommended Funds (2020-2021)* (Fundsupermart);
- (iii) *Most Astute Investor for local bond* (The Asset); dan
- (iv) *Morningstar Award Malaysia 2021*.

Kebanyakannya *award* ini tahun 2021; kita nampak ada *improvement* dari segi *performance* AmanahRaya Investment sejak kebelakangan ini, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila, Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Kita tidak ada penasihat syariah dalam *board* AmanahRaya Investment?

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Tuan Pengerusi, kami ada *syariah committee* tetapi di tahap Amanah Raya Berhad. *At ARB's level, not ARIM's level.*

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *You think among the new arrangement* ataupun peningkatan pengurusan ini kita perlu dalam *board* ini sendiri seorang penasihat syariah kerana ARB ini adalah antara tempatnya yang umat Islam meletakkan harapan dalam pengurusan Amanah Raya ini. Jadi, seeloknya begitulah kerana dalam penulisan-penulisan ARB ini masih lagi menulis tentang bunga, begitu ya. Jadi, adakah itu selari dengan tuntutan syarak kita? Terima kasih.

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Terima kasih, Yang Berhormat. Ya, yang Yang Berhormat sebutkan tadi bunga itu cuma tertera dalam akta kami yang dikeluarkan pada tahun 1995.

Akan tetapi hingga kini, kami tidak menggunakan perkataan tersebut tetapi sebagaimana Laporan Ketua Audit Negara pun ia merujuk kepada pengagihan pendapatan dan bukan bunga. Setiap pelaburan syariah yang dibuat oleh AmanahRaya Investment Management Sdn. Bhd. ini dilaporkan kepada *committee* atau jawatankuasa syariah kami.

Tuan Pengerusi: Okey, untuk 7.2 okey ya? So, kita masuk 7.3, Puan Aini, sila.

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bagi syor PAC yang ketiga pula, Amanah Raya Berhad telah melantik Tetuan EY pada 8 Jun 2022 untuk melaksanakan *position audit review exercise* dengan jangkaan tempoh pelaksanaan audit ini selama dua bulan. Skop pengauditan oleh Tetuan EY ini termasuklah pelaburan projek 56 unit pangsapuri di Keppel Bay, Singapura.

Selain itu, untuk makluman Tuan Pengerusi, Datuk, tuan-tuan dan puan-puan, pelaburan dalam projek Keppel Bay *properties* ini semakin pulih sejak tahun 2017. Daripada 56 unit pangsapuri tersebut, 37 unit telah berjaya dijual. Kami menyasarkan untuk menjual baki 19 unit lagi dalam masa dua tahun.

Tuan Pengerusi: Okey. Saya ada dua soalan, mungkin saya ajukan soalan pertama dahulu berkenaan dengan pelantikan EY yang telah ditandatangani pada 8

Jun 2022. So, itu sememangnya sesuatu yang PAC sudah nampak, yang mana ada audit dilaksanakan terhadap kerugian tersebut. Cuma, saya hendak tanya kepada Puan Aini ya. Okey, laporan daripada PAC dibentangkan pada bulan Oktober yang lepas dan pelantikan dibuat kurang dari seminggu sebelum ini, 8 Jun 2022.

So, saya hendak tanya kerana saya hendak memastikan kesemua agensi kerajaan ataupun kementerian apabila sahaja laporan PAC dibentangkan di Parlimen, boleh *at the first instance* baca laporan tersebut dan memastikan kesemua syor adalah diambil tindakan dengan cepat.

Okey, saya hendak *check* dengan Puan Aini. Dari bulan Oktober tahun lepas sampai bulan Jun ini, apakah kronologi untuk pelantikan EY? Kadang-kadang saya faham pelantikan itu mengambil masa tetapi saya hendak pastikan sama ada terdapat kelewatan atau tidak? Sila, Puan.

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak menyediakan kronologi yang spesifik bagi kes ini tetapi saya cerita apa yang saya boleh ingatlah.

Selepas keluar *report* daripada PAC, kami pun mengambil beberapa langkah untuk memperoleh beberapa *quotation* daripada konsultan-konsultan yang berada di Malaysia yang *capable* untuk buat pengauditan seperti ini. Walau bagaimanapun, pada bulan yang sama juga GMD kami telah meletakkan jawatan – *resigned. His last date was in* Disember 2021. *So, we went through* tetapi kita tidak dapat – sepatutnya belum mendapat kelulusan daripada *board*, kami perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak pengurusan. Jadi, kami ada kelewatan di situ oleh sebab kami tiada ketua pada masa itu.

Walaupun bagaimanapun, pada bulan Januari dan Februari berikutnya pihak Amanah Raya Berhad – pihak lembaga pengarah mengambil keputusan untuk *create* satu *exco* yang terdiri daripada pengarah-pengarah Amanah Raya Berhad *to step into the shoes of the GMD*. Jadi, apa-apa operasi perjalanan operasi Amanah Raya Berhad ataupun yang lain-lainnya termasuk juga pelantikan *auditor* ini perlu melalui jawatankuasa tersebut. Terdapat beberapa *presentation* daripada setiap satu konsultan dan ini berjalan dalam bulan Februari dan Mac rasanya. Encik Jerry *can confirm*.

But kami juga *went back and forth with each consultant to ensure that the scope that they are auditing is thorough and it will help us to move forward in the future as the Public Trustee of Malaysia. So, only recently we were able to confirm with the auditor that we have the common and the same understanding, that this is what we want and this is what they are supposed to gives us. So, that took time,*

actually. In fact EY came to see the board twice and the BEC at least three times, yes.

■1510

Tuan Pengerusi: Okey. So, di sini kata pelaksanaan audit akan mengambil masa selama dua bulanlah. So, mungkin dalam bulan Ogos boleh siap. So, mungkin saya minta pihak Sekretariat dan juga saksi-saksi ajukan sesalinan *report* itu kepada pihak PAC dalam masa tiga bulan.

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Baik, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sini dua bulan. So, we give a buffer around one month.

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Okay. Thank you very much.

Tuan Pengerusi: Thank you. Cuma hendak pastikan, yang *resign* itu Encik Roslan ya? Bukan?

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Encik Azmeen.

Tuan Pengerusi: Oh, Encik Azmeen. Okey, okey. *Group Managing Director (GMD)?*

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: *Group Managing Director.*

Tuan Pengerusi: Okey, Puan Aini, berkenaan dengan pelaburan di *Singapore*. Saya menyemak kembali *Hansard*. Sini ada dinyatakan bahawa pelaburan ini berbentuk pembiayaan berjumlah SGD82 juta dalam Syarikat Al-Asad yang mana ARB ada 50 peratus saham. So, SGD82 juta. PAC talah dimaklumkan bahawa kerugian nyata adalah sebanyak RM114.34 juta dalam pelaburan ini. Salah satu faktor adalah *gross development value (GDV) project* adalah tidak mencukupi untuk menampung kos pelaburan.

So, Puan Aini pada ketika itu ada menyatakan— saya tanya, “*So, in what way that we can classify it as a loss?*”. Puan Aini jawab, “*Because of the market value of the property has reduced*”. So, saya tanya, “*So, that means the GDV of the project is not sufficient to cover back your cost?*”. “Yes.” Okey.

So, sekarang andaikan kita berjaya untuk menjual baki 19 unit dalam masa dua tahun ini dengan harga jualan yang sedia ada, sama ada kerugian masih akan tercatat dengan suatu angka RM114 juta ataupun akan berkurangan? Atau ia akan menjadi suatu, katakanlah bukan kerugiankah, *break even* dan sebagainya? So, how is the calculation made?

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Thank you, Tuan Pengerusi. So, all our investment by the common fund is marked to market. Jadi, setiap tahun apabila kami keluar akaun daripada Al-Asad, ia berdasarkan kepada penilaian ke atas hartanah tersebut. So, every year when the market value goes down, we will

have to provide accordingly. Itu yang kami sudah laporkan kerugian yang agak banyak. Lebih daripada RM1 juta. Walau bagaimanapun, *in the future*, kalau kami berjaya jual lebih daripada *market value* tersebut, ia akan mengurangkan kerugian yang telah dilaporkan sebelum ini.

Tuan Pengerusi: Okey. Akan tetapi, untuk tujuan pengiraan, RM114 juta itu telah mengambil kira *market value* untuk kesemua 56 unit dan bukan untuk unit yang dijual sahaja. Betul?

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Ya, semua.

Tuan Pengerusi: Okey. So, selagi *market value* ia tidak meningkat, maka kerugiannya akan berada di tahap RM114 jutalah.

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Ya.

Tuan Pengerusi: Katakan jika dalam masa setahun *market value goes up, then your* kerugian *will come down.* Okey.

So, saya hendak tanya berkenaan dengan skop auditlah. Sama ada skop audit EY juga termasuk dalam 56 unit *apartment* ini?

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Ya. Skop audit termasuk pengauditan *Keppel Bay*.

Tuan Pengerusi: Okey. So, kenapa saya tanya kerana— okey. *Perform scope audit ascertain adequacy effectiveness of strategic and operational matter vary covering of that reported. [Membaca slaid]* Okey. Ini adalah penting kerana, bagi sayalah, kenapa ARB apabila membuat pelaburan telah membuat keputusan yang menganggarkan GDV ia adalah lebih tinggi daripada yang sepatutnya. Itu merupakan punca dan faktor utama kenapa ada satu kerugian dicatatkan.

So, I think point ataupun peringatan daripada PAC ini hendaklah disampaikan kepada EY *to make sure* audit itu adalah termasuk pelaburan untuk pembangunan 56 unit *Keppel Bay* dan bagaimanakah GDV ditetapkan pada ketika itu yang mana telah dibuktikan bahawa ia adalah terlalu tinggi. Okey?

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Baik, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *Okay, thank you. 7.3 any question anymore? [Merujuk kepada pembentangan slaid].* Okey, jika tidak ada, kita masuk slaid yang seterusnya. Sila.

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Okey. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk, Tuan dan Puan yang dihormati. Syor keempat yang juga merupakan syor terakhir adalah berkaitan agihan pendapatan yang perlu mematuhi seksyen 27 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995. Seksyen 27 adalah seperti tertera pada slaid.

Terdapat tiga subseksyen bagi seksyen ini di mana subseksyen 1 menyatakan bahawa bunga— masa itu masih guna 'bunga'— yang kena dibayar berkenaan dengan wang modal yang menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Bersama hendaklah pada kadar yang munasabah yang ditetapkan oleh Perbadanan dengan kelulusan Menteri dengan mengambil kira pendapatan Kumpulan Wang Bersama yang boleh dibahagikan dan kemampuan Kumpulan Wang Bersama dan Kumpulan Wang Rizab Am untuk menjelaskan segala bayaran yang dikehendaki dibuat. Subseksyen 2 menyatakan kadar itu boleh disemak setiap suku tahun.

Subseksyen terakhir iaitu subseksyen 3 menyatakan bunga yang kena dibayar daripada Kumpulan Wang Bersama hendaklah dikreditkan setiap setengah tahun kepada harta pusaka masing-masing dengan syarat bahawa Perbadanan boleh mengikut budi bicaranya mengkreditkan bunga ini kepada apa-apalah tempoh yang lebih kerap yang difikirkan patut dalam hal mana-mana harta pusaka tertentu.

Baik. Ini adalah juga masalah utama Amanah Raya Berhad di mana untuk makluman Yang Berhormat, Datuk, Tuan dan Puan, Amanah Raya Berhad masih lagi membuat bayaran agihan pendapatan bagi— terdapat tiga sebab utama kenapa kami masih membayar agihan pendapatan iaitu:

- (i) mengelakkan pengeluaran dana secara mendadak oleh pelabur awam;
- (ii) mengatasi risiko reputasi; dan
- (iii) bagi menghindarkan Amanah Raya daripada menghadapi situasi tidak stabil daripada segi kewangan dan operasi.

Sungguhpun begitu, kadar agihan pendapatan telah beransur-ansur kurang. Amanah Raya pada masa yang sama menyasarkan untuk merangka tindakan seterusnya setelah pihak EY selesai menjalankan audit. Jadi, masalah ini juga kami masukkan dalam skop pelantikan konsultan EY tadi untuk dia menasihati kami cara yang terbaik untuk menyelesaikan masalah ini.

Next slide. Tiada soalan? *Next slide is the* kesimpulan. *So, next slide* kesimpulan untuk secara rumusan. Berikut merupakan tindakan susulan Amanah Raya Berhad ke atas empat syor PAC berhubung isu yang dibangkitkan dalam LKAN 2019 Siri 1.

So, syor pertama, kelulusan polisi. ARB telah mematuhi dan mengadaptasi tujuh polisi utama selaras dengan syor PAC. Manakala baki dua polisi akan dibawa ke pertimbangan Mesyuarat Lembaga Pengarah ARB pada 22 Jun 2022.

Syor kedua, polisi pelaburan dan pakar pelaburan.

Tuan Pengerusi: *I think this one is only summary, bukan?*

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: *Only summary, yes.*

Tuan Pengerusi: Okey, kita balik kepada 7.4, Puan Aini. *[Merujuk kepada pembentangan slaid]* Okey, Ini berkenaan dengan agihan pendapatan. Dulu semasa dalam prosiding, ada dinyatakan bahawa GMD *was the one who make decision* untuk pengagihan.

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Yes.

Tuan Pengerusi: *So, is that a breach of his duty or not? And a breach of the rule.*

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: *Because that was not— actually he was empowered to determine the kadar yang ditentukan. Providing that, we get the approval from Minister of Finance. So, we are already obtained the approval previously and apa-apa— kelulusan yang diberikan oleh pihak MKD adalah kadar yang maksimum. Jadi, apa-apa pembayaran yang kurang daripada kadar maksimum itu telah diberikan kepada GMD.*

Tuan Pengerusi: Okey, saya faham. So, MKD atau MK akan menetapkan kadar silingnya. *So, as long as you are within the ceiling, you have the power.* Akan tetapi, siapakah yang memberikan *power* kepada seorang sahaja iaitu GMD dalam melaksanakan dan membuat keputusan akhir? *I think* berkenaan dengan pengagihan ini, *it was supposed to be approved by the Board*, bukan?

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Yes.

■1520

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, kenapa GMD seorang yang buat keputusan?

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: *The board has delegated the power to GMD as long as it does not exceed the maximum limit.*

Tuan Pengerusi: *Okay, so what happens now? So, the GMD still has power now?*

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: *Now – but now we do not – currently we do not have a GMD.*

Tuan Pengerusi: *I mean if we had a GMD appointed, would the GMD still have power?*

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: *Even though the GMD has the power, we have delegated some checkings; we have added on. Whatever it is that we need to pay, pengagihan pendapatan ini kena melalui asset and liability committee kami dahulu dan saranan akan diangkat kepada jawatankuasa pelaburan.*

Tuan Pengerusi: *But the big decision like this shouldn't it be approved by the board? Mungkin saya jemput jika wakil MOF; ex officio kita ada ulasan tidak? Anyone?*

Puan Anis Rizana binti Mohd Zainuddin: Wakil MOF adalah Encik Ahmad Suhaimi bin Endut, silakan.

Encik Ahmad Suhaimi bin Endut [Ahli Lembaga Pengarah]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya dalam *board* pun kita sudah kenal pasti, ini adalah salah satu masalah yang dihadapilah dan dalam *board* juga kita bincangkan supaya ada kawalan terhadap tindakan atau keputusan oleh *group* MD ini. *In fact*, seperti yang Puan Aini sebutkan tadi, ia akan *go through* – sekarang ini akan *go through asset-liability committee* (ALCO), akan *go through investment committee* dan sehinggakan ke *board*-lah.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Ahmad Suhaimi bin Endut: Ya, *through asset-liability committee*-lah. *Asset-liability committee through ke investment committee and also ke board.* Sekarang ini *decision by the board* macam itulah, kena perlu sampai ke *board*.

Tuan Pengerusi: *So, can we say that the decision is actually by the board and not the GMD?*

Encik Ahmad Suhaimi bin Endut: Sepatutnya Tuan Pengerusi, perlu ke *board*-lah, perlu memang patut *board*...

Tuan Pengerusi: Ya sepatutnya ke *board*. *So*, sama ada itu dilaksanakan sekarang atau tidak?

Encik Ahmad Suhaimi bin Endut: *In the past* tidak, tapi sekarang kita mengarahkan supaya perkara tersebut dilakukan.

Tuan Pengerusi: Ya, *that's why* itu poin sayalah kena melalui *board*. Sekiranya dia masih kekal dengan seorang sahaja, *so that is not a good thing. Otherwise, the same thing will happen* sebab dalam LKAN dan juga dalam laporan PAC pun kita ada tegur kenapa seorang sahaja. *So*, sekarang maksudnya mungkin GMD akan buat *recommendation* dan sebagainya tetapi tertakluk kepada ALCO dengan *committee* lain dan *eventually* akan diluluskan hanya dengan *board*.

Encik Ahmad Suhaimi bin Endut: Betul, betul Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, jelas. Okey, *7.4 any question?* Ya, sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: GMD ini sudah berapa bulan tidak ada tadi? Enam bulan sejak Disember ya?

Encik Ahmad Suhaimi bin Endut: Semenjak Disember tidak ada.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Jadi, memang belum diisikah atau dalam proses mencari calonkah atau macam mana? Ataupun *we are doing away with the post*-kah, kerana kita sudah ada posisi baharu dalam menentukan kadar tadi ini. Jadi, tidak perlu *urgent*-lah *kut* ya macam mana?

Puan Anis Rizana binti Mohd Zainuddin: Yang Berhormat Lumut, sebenarnya memang dalam perhatian Menteri Kewangan sendiri, pelbagai nama pun telah disyorkan, masih dalam pertimbangan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Memang *insya-Allah* dalam masa yang terdekat, *post* ini atau jawatan ini akan diisilah. Sebab pada waktu ini kita kena berhati-hati, tidak boleh menjadi macam pengalaman sebelum ini; dia hanya dalam beberapa bulan kemudian meletakkan jawatan dan faktor integriti menjadi puncalah kita hendak mencari calon yang paling sesuai untuk menerajui ARB. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Ada lagi? Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Permatang Pauh tidak ada. Yes, sila.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Tadi ada dibentangkan ya Tuan Pengerusi, tentang *the control measures* yang diperkenalkan. Adakah itu sebahagian daripada tanggungjawab jawatankuasa pelaburan? *I think you mentioned it just in passing, if you could just elaborate further?*

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Okey, yes, *investment committee is closely monitoring all the current investments that we are making. So, some investments are governed by also our – as approved asset allocation where this has been determined upfront* supaya – *so for each investment level you cannot exceed whatever is approved. Approved level, I mean. So that's one part and other – if there are any other investment activities other than what was predetermined, those must come to the investment committee meeting to be deliberated. Thank you.*

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Okey. Ada lagi, tidak ada? Okey, jika tidak ada, jam 3.25 petang, *very efficient.* *[Ketawa]* Okey jika tidak ada, saya ucapkan terima kasih kepada saksi-saksi yang hadir; Puan Anis, Datuk Radzif, Puan Aini dan juga ke semua *ex-officio* yang hadir pada petang ini. So, saya akan tamatkan prosiding pada hari ini dan untuk maklumat semua, bagi kesemua jawapan yang telah diberikan kepada pihak PAC, pihak PAC akan *compile* dan juga akan membentangkan laporan tindakan susulan ke Dewan Rakyat seperti biasa.

So, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada ahli-ahli semua, sekretariat dan saksi-saksi yang hadir. Terima kasih.

Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff: Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.26 petang]